

07 NOV 2002

KARNIVAL RAYA BERSAMA PROTON EDAR

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Proton Edar melancarkan karnival `Raya Bersama Proton Edar' malam ini dengan menonjolkan keistimewaan dua model terbaru Proton -- Proton Waja 1.8 dan Proton Arena.

Kedua-dua model itu dilancarkan pagi tadi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya.

Timbalan Menteri Pengangkutan Tan Sri Ramli Ngah Talib dalam ucapannya ketika merasmikan karnival berkenaan berkata dua model terbaru itu diyakini mampu menyaingi model kereta antarabangsa yang lebih ternama berdasarkan keupayaannya menggunakan teknologi terkini.

Pada majlis itu, Ramli turut menyampaikan replika kunci kereta dan cenderamata kepada sembilan pembeli pertama untuk kedua-dua model berkenaan.

Karnival berkenaan diadakan di Bintang Walk di sini sehingga 11 Nov bagi memberi peluang kepada orang ramai yang tidak sempat mengunjungi galeri jualan Proton.

Ia akan diadakan di seluruh negara bermula dengan Kuching pada 16 Nov ini untuk para pembeli di Sabah dan Sarawak.

-- BERNAMA
SOP AZH RON